

|           |                  |
|-----------|------------------|
| Newspaper | SINAR HARIAN     |
| Date      | 09 DECEMBER 2016 |

# Mahathir kecewa

Sinar Harian - 9/12/2016

**SHAH ALAM** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad meluahkan kekecewaannya susulan pembatalan undangan ke istiadat melafazkan dan menandatangani sumpah jawatan oleh Yang di-Pertuan Agong dan timbalan baginda pada 13 Disember ini.

Pengerusi Bersatu itu berkata, beliau telah pun memberi maklum balas kehadiran terhadap jemputan yang dihantar kepadanya 10 November lalu.

Namun, katanya, pada 6 Disember beliau menerima surat daripada Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja yang memaklumkan pembatalan undangan tersebut.



**MAHATHIR**

“Saya jawab saya akan hadir kerana saya anggap acara ini sebagai acara nasional yang tidak ada kaitan dengan mana-mana parti politik.

“Rupa-rupanya acara negara adalah sebahagian dari politik parti. Saya minta maaf

kerana membuat anggapan yang salah,” katanya dalam tulisan di blognya, semalam.

Sebelum ini, viral di media sosial mengenai undangan kepada Mahathir tersebut telah dibatalkan.

Surat tersebut telah dialamatkan kepada pejabat Mahathir di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya.

Dalam surat bertarikh 5 Disember itu, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja memaklumkan bahawa pembatalan undangan itu bagi mengelakkan ‘kesipuan’ (embarrassment) kerana tiada kerusi disediakan untuk Mahathir dalam istiadat berkenaan.